



MAJLIS BANDARAYA IPOH PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan** yang berkecenderungan bagi mengisi jawatan berikut: -

1. JAWATAN : **PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U5**

KLASIFIKASI : PERUBATAN DAN KESIHATAN
PERKHIDMATAN

KUMPULAN : PELAKSANA
PERKHIDMATAN (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)

JADUAL GAJI : **GRED U5**
(MIN – MAX) RM1,650.00 – RM6,620.00

TARAF JAWATAN : **TETAP & KONTRAK**

SYARAT LANTIKAN : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
(a) warganegara Malaysia;
(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
(c) (i) Diploma dalam bidang Kesihatan Persekitaran yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred U5: RM1,974.00).
(d) (i) **Kelayakan daripada institusi pengajian tinggi tempatan yang diiktiraf dan disenaraikan dalam Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR).**

SYARAT : 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian
KELAYAKAN (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa
BAHASA MELAYU Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- SYARAT
PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN
- : 3. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c);
dan
 - (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- FUNGSI BIDANG
TUGAS
- : 4. Bertanggungjawab melaksanakan tugas dalam aspek pengurusan, perancangan, pengawalan, pencegahan, perundangan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan aktiviti-aktiviti kesihatan awam dan kesihatan persekitaran iaitu kawalan penyakit, keselamatan dan kualiti makanan, bekalan air dan kebersihan kawasan Majlis.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah menggunakan aplikasi atas talian (**online**) sahaja dengan melayari laman web Majlis Bandaraya Ipoh di **www.mbi.gov.my** dan pemohon akan dihubungkan ke Portal Perak Digital (Aplikasi Kerajaan Negeri Perak).

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 30 JULAI 2026 (KHAMIS)

CATATAN AM

- (a) Pihak Majlis berhak menentukan asas-asas tapisan dalam menyenarai pendek calon-calon yang layak dipanggil untuk sesi ujian/temuduga.
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

- (c) Hanya calon-calon yang diperakui sihat untuk berkhidmat oleh Pengamal Perubatan Berdaftar sahaja yang dilantik mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
- (d) Pemohon perlu memuat naik KAD PENGENALAN, DIPLOMA, SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) / SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA (SVM), SIJIL-SIJIL BERKAITAN dan SALINAN CETAKAN AKREDITASI bagi dokumen tambahan dalam permohonan jawatan.
- (e) Pemohon boleh menyemak dan mencetak kelayakan melalui Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam dalam Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR) bagi salinan cetakan akreditasi dengan membuat carian program pengajian dari:
 - (i) eSisraf : <http://www2.mqa.gov.my/esisraf>; atau
 - (ii) MQR : <http://www2.mqa.gov.my/mqr>.
- (f) Kegagalan pemohon memuat naik dokumen seperti yang dikehendaki akan menyebabkan permohonan **DITOLAK**.